

Boleh mohon moratorium

UM - 17/12/2021 w/s: 3

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Peminjam institusi kewangan daripada golongan B50 yang terjejas akibat Covid-19 boleh memohon moratorium termasuk penguurangan ansuran untuk tempoh sehingga dua tahun bagi membantu mengurus hutang keseluruhan selaras dengan kemampuan peminjam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, mereka boleh memperoleh manfaat pengecualian faedah pinjaman untuk tiga bulan di bawah Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS).

Katanya, mana-mana peminjam yang layak dan berhasrat



ISMAIL SABRI YAAKOB

untuk memohon kemudahan di bawah URUS boleh berhubung dengan bank masing-masing sebelum 31 Januari 2022.

“Antara manfaat lain di

bawah program itu sebagaimana diumumkan pada 13 Oktober lalu ialah sokongan pembangunan, pendidikan dan khidmat nasihat untuk membantu mengurus kewangan agar lebih berdaya tahan termasuk peluang menambah pendapatan dan mendapat sokongan lain.

“Peminjam juga akan diberikan bantuan secara menyeluruh termasuk pelan kewangan peribadi yang disesuaikan berdasarkan kemampuan kewangan masing-masing, mengamibil kira pinjaman mereka.

“Ini bagi memastikan bantuan jangka panjang yang lebih bermakna kepada peminjam yang memerlukan untuk memulihkan keadaan kewangan mereka sejajar dengan pemulihan ekonomi,” katanya dalam

kenyataan, semalam.

Ismail Sabri berkata, kerajaan juga mengambil maklum bahawa sektor perbankan telah melaksanakan URUS secara telus dan adil bagi membantu peminjam B50 yang mempunyai pendapatan isi rumah sehingga RM5,880 serta kehilangan pekerjaan atau kehilangan pendapatan melebihi 50 peratus daripada pendapatan isi rumah akibat pandemik.

“Dalam masa sama, kerajaan melalui Jabatan Insolvensi Malaysia juga meningkatkan nilai ambang kebangkrupan kepada RM100,000 untuk memberi perlindungan kepada mereka yang mungkin masih tidak dapat bertahan dari segi kewangan akibat kesan pandemik,” katanya.